

22/11/2000

Iklan kerja melalui Internet

KUALA LUMPUR, Selasa - Pencari kerja kini lebih berpeluang mendapat kerja yang menepati kecenderungan dan kelayakan apabila kekosongan jawatan di Jabatan Tenaga Rakyat diiklankan menerusi Internet, mulai pertengahan tahun depan.

Menerusi projek Bursa Buruh Elektronik (ELX) yang disediakan Kementerian Sumber Manusia itu bersama Solsis (M) Sdn Bhd (Solsis), perkhidmatan pekerjaan oleh jabatan itu dapat disediakan merentasi sempadan dan geografi.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata ketika ini, perkhidmatan yang dilaksanakan kurang cekap kerana dikendalikan secara manual.

"Dengan ELX, pencari kerja akan mendapat gambaran menyeluruh mengenai pasaran buruh, termasuk daripada aspek lokasi dan bidang yang diminati, sekali gus mengoptimumkan sumber manusia yang ada," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara kementeriannya dengan Solsis, anak syarikat Dataprep Holdings Bhd (Dataprep), di sini hari ini.

Kementerian diwakili Ketua Setiausahanya, Datuk Dr Syed Muhamad Syed Abdul Kadir manakala Solsis oleh Pengarah Eksekutifnya, Zulkifli Abu Bakar. Hadir sama, Pengerusi Dataprep, Mirzan Mahathir.

(END)